

Dakwaan bertujuan menimbulkan situasi panik kepada masyarakat

KUANTAN - Peniaga di daerah ini mengesahkan tiada sebarang kenaikan harga bagi barang keperluan asas seperti mana didakwa segelintir masyarakat ekoran wabak koronavirus.

Rata-rata peniaga di Pasar Besar di sini mendakwa isu mengenai kenaikan harga barang seolah-olah bertujuan menimbulkan situasi panik kepada masyarakat setempat.

Peniaga ayam, Azizah Omar, 31, turut menolak dakwaan wujudnya kenaikan harga ayam segar.

"Harga masih sama, mana ada kenaikan. Kalau seminggu lalu memang

harga ayam murah tapi itu disebabkan harga kawalan musim perayaan.

"Jadi, pada 4 Februari lalu harga ayam dijual RM8.50 sehingga ke hari ini," katanya ketika ditemui di sini semalam.



MOHD NOR

Menurutnya, isu kenaikan harga selalu dimainkan oleh netizen, namun ia sebenarnya tidak berlaku kerana pihak berkaitan sentiasa menjalankan pemantauan dari segi harga.

Sementara itu, di **KUALA TERENGGANU**, harga barangan basah seperti ikan, sotong dan udang di sini masih kekal stabil di

sebalik kebimbangan tentang wabak berkenaan.

Tinjauan di Pasar Payang mendapati harga sesetengah ikan dan sotong agak tinggi kerana kesukaran untuk mendapatkan bekalan kerana musim monsun yang masih belum berakhir.

Peniaga, Mohd Nor Chik, 54, berkata, harga tidak banyak berubah selepas musim tengkujuh lalu kerana bekalan ikan tempatan adakalanya kurang sehingga terpaksa membawa masuk ikan dari luar.

"Kalau diikutkan, harga turun naik ikan dan barangan basah lain lebih bergantung kepada bekalan dan musim. Tiada pembelian panik atau kesukaran bekalan kerana kebimbangan wabak ini," katanya.